



[THE ATTITUDE OF MUSLIM YOUTH NETIZENS IN FINDING AND RECEIVING INFORMATION ON SOCIAL MEDIA: A QUALITATIVE ANALYSIS]

SIKAP NETIZEN BELIA MUSLIM DALAM MENCARI DAN MENERIMA MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL: SATU ANALISIS KUALITATIF

NURAMALIYA MOHAMAD ROSMAN^{1*}
ROSMAWATI MOHD RASIT¹

¹ Pusat Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia.

*Corresponding author: amaliyarosman@gmail.com

Received Date: 7 April 2020 • Accepted Date: 29 Sept 2020

Abstract

The use of social media applications has now become a major platform for netizens, especially among Muslim youth netizens in accessing and channeling information quickly and effectively. However, the openness of sharing and accessing information on social media makes information mixed between right and wrong and at the same time affects the spread of fake news. It has recently been found that cases of spreading fake news are on the rise due to unauthorized recipients and disseminators. It is feared that Muslim youth netizens are also recipients and disseminators of unauthentic information. Excited attitudes that precede caution when seeking, receiving and disseminating information can have a detrimental effect especially in disseminating false news. Therefore, this article aims to analyze the attitude of Muslim youth netizens in finding and receiving information on social media. A total of 14 informants consisting of netizens aged between 18 to 30 years have been divided into two types of groups, namely the group of netizens with an educational background in Institutions of Higher Learning and a group of netizens with the level of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) education. This study uses a qualitative descriptive approach with semi-structured interview methods and focus group discussions. The study uses a purposeful sampling method and the data is then analyzed using Atlas.ti software to achieve the objectives of the study. The results of the study found that the two groups of Muslim youth netizens have different attitudes when seeking and receiving information. The first group of Muslim youth netizens are seen to have a more cautious attitude when searching and receiving information compared to the second group. Factors of differences in background and level of education lead to the attitudes and ways of Muslim youth netizens in finding and receiving information on social media. In this regard, the implications of this study emphasize the importance of practicing caution and research when seeking and receiving information in cyberspace as well as the emphasis on the issue of spreading fake news among the community.

Keywords: Social media, fake news, Muslim youth netizens, finding and receiving information.

Abstrak

Penggunaan aplikasi media sosial kini sudah menjadi satu platform utama bagi golongan netizen khususnya dalam kalangan netizen belia Muslim dalam mengakses dan menyalurkan maklumat dengan pantas dan berkesan. Walau bagaimanapun, keterbukaan perkongsian dan pengaksesan maklumat di media sosial menjadikan maklumat bercampur-baur antara yang benar dan salah sekali gus memberi kesan terhadap penularan berita palsu. Mutakhir ini didapati bahawa kes penyebaran berita palsu semakin tinggi yang berpunca daripada penerima dan penyebar maklumat yang tidak sahih. Dikhuatiri golongan netizen belia Muslim turut menjadi penerima dan penyebar maklumat yang tidak sahih. Sikap teruja yang mendahului sikap berhati-hati ketika mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dapat memberi kesan yang buruk terutama dalam penyebaran berita palsu. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis sikap netizen belia Muslim dalam mencari dan menerima maklumat di media sosial. Seramai 14 orang informan yang terdiri dari kalangan netizen yang berumur antara 18 hingga 30 tahun telah dibahagikan kepada dua jenis kumpulan iaitu kumpulan netizen yang mempunyai latar pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi dan kumpulan netizen yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual separa struktur dan perbincangan kumpulan fokus. Kajian menggunakan kaedah persampelan bertujuan dan data-data tersebut seterusnya dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua kumpulan netizen belia Muslim mempunyai sikap yang berbeza ketika mencari dan menerima maklumat. Kumpulan pertama netizen belia Muslim dilihat mempunyai sikap lebih berhati-hati ketika mencari dan menerima maklumat berbanding dengan kumpulan kedua. Faktor perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan mendorong kepada sikap dan cara netizen belia Muslim dalam mencari dan menerima maklumat di media sosial. Sebagai rumusan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan tahap kesedaran netizen belia Muslim sewaktu mencari dan menerima maklumat di internet. Konsep *tabayyun* perlu diterapkan kepada netizen belia Muslim bagi membantu mereka menjadi pengguna yang berprinsip dan bermoral.

Kata kunci: Media sosial, berita palsu, netizen belia Muslim, mencari dan menerima maklumat.

Cite as: Nuramaliya Mohamad Rosman & Rosmawati Mohd Rasit. 2020. Sikap Netizen Belia Muslim dalam mencari dan menerima maklumat di Media Sosial: Satu Analisis Kualitatif. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 189-205

PENGENALAN

Perkembangan teknologi maklumat semakin hari mengalami rentak perubahan yang pantas seiring dengan peredaran masa demi memenuhi keperluan kehidupan manusia. Teknologi komunikasi dan jaringan internet kini semakin berkembang maju dan telah mewujudkan jaringan tanpa sempadan yang memberi kesan dalam pembangunan pelbagai aplikasi yang lebih bersifat dinamik dan interaktif. Pembangunan media sosial menjadi salah satu agent utama dalam menyebarkan maklumat. Pengaksesan dan penyebaran maklumat dapat dilakukan dengan lebih dinamik dan bersifat interaktif melalui aplikasi media sosial dengan mudah dan pantas (Ali Salman et al., 2017).

Penggunaan rangkaian aplikasi media sosial yang membolehkan jaringan komunikasi tanpa sempadan telah menjadi satu kewajipan bagi manusia dalam memenuhi kehidupan seharian. Perhubungan tanpa batasan melalui rangkaian komunikasi elektronik seperti media sosial digambarkan sebagai “death distance” yang mewujudkan masyarakat maya atau warga netizen yang bergerak secara “online” (Nor Aslamiah, 2012). Perkongsian maklumat, berita-berita, info dan ilmu dalam pelbagai bentuk seperti audio, grafik, video dan sebagainya mudah untuk dicapai di hujung jari sahaja (Faradillah Iqmar et al., 2015). Kecanggihan ini telah menjadi satu gelombang fenomena bagi setiap lapisan umur masyarakat untuk tidak ketinggalan menggunakannya khususnya bagi golongan netizen belia.

Namun, keterbukaan aplikasi media sosial dalam penyaluran dan pengaksesan maklumat secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap lambakan maklumat (Muhammad Faisal et al., 2019). Lambakan maklumat di media sosial menyebabkan maklumat bercampur baur antara yang benar dan salah serta maklumat yang berunsur fitnah (Farah Waheeda & Muhammad Faisal, 2019). Oleh yang demikian, lambakan maklumat di media sosial menyebabkan keraguan terhadap status kesahihan sesuatu maklumat dan menyebabkan netizen mudah terdedah kepada maklumat yang tidak jelas. Tambahan lagi, maklumat yang banyak boleh menyebabkan netizen menjadi lebih keliru dan boleh menimbulkan keraguan serta memberi kesan terhadap penularan berita palsu dan fitnah (Ali Salman et al., 2018).

Menurut Ika Rusdiana (2018) berita palsu mudah tersebar dengan lebih luas, cepat dan pantas berbanding dengan berita benar terutama hal yang berkaitan dengan isu politik, kesihatan, keselamatan dan bencana alam. Sikap individu yang mengambil mudah dan tidak mempunyai masa untuk memeriksa dan meneliti status kesahihan maklumat akan mendatangkan impak yang negatif iaitu memberi kesan terhadap penularan berita palsu dan fitnah yang boleh memecahbelahkan keharmonian masyarakat (Muhammad Faisal et al., 2019). Mutakhir ini didapati bahawa kes penyebaran berita palsu semakin tinggi yang berpunca daripada penerima dan penyebar maklumat yang tidak sah (Zul hilmi et al., 2016). Dikhuatiri golongan netizen belia Muslim turut menjadi penerima dan penyebar maklumat yang tidak sah. Sikap teruja yang mendahului sikap berhati-hati ketika mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dapat memberi kesan yang buruk terutama dalam penyebaran berita palsu (Brian. 2018).

Walau bagaimanapun, menurut Muhammad Faisal et al. (2019) reaksi dan sikap netizen muda terhadap banjir maklumat di media sosial adalah berbeza mengikut perbezaan latar belakang individu, faktor perbezaan usia, faktor lokasi penempatan, tahap akademik serta tahap penggunaan dan penguasaan teknologi maklumat. Penggunaan aplikasi media sosial telah menjadikan golongan netizen belia antara kelompok yang tertinggi kerana generasi mereka sudah didedahkan dengan dunia teknologi maklumat (Zulhilmi Abdullah et al., 2018). Artikel ini bertujuan untuk menganalisis sikap netizen belia Muslim dalam menerima dan mencari maklumat di media sosial. Sejauh manakah sikap netizen belia Muslim yang terdiri daripada dua kelompok netizen belia yang berbeza dari segi latar belakang dan tahap pendidikan mencari dan menerima maklumat di media sosial.

TINJAUAN LITERATUR

PENULARAN BERITA PALSU DI MEDIA SOSIAL

Kepantasan penyebaran maklumat di media sosial mendedahkan manusia terhadap lambakan maklumat. Setiap maklumat atau berita yang tersebar dapat mempengaruhi pola pemikiran dan sikap sesebuah masyarakat. Menurut Ika Rusdiana (2018) berita palsu mudah tersebar dengan lebih luas, cepat dan pantas berbanding dengan berita benar terutama hal yang berkaitan dengan isu politik, kesihatan, keselamatan dan bencana alam. Sikap individu yang mengambil mudah dan tidak mempunyai masa untuk memeriksa dan meneliti status kesahihan maklumat akan mendatangkan impak yang negatif iaitu memberi kesan terhadap penularan berita palsu dan fitnah yang boleh memecahbelahkan keharmonian masyarakat (Muhammad Faisal et al., 2019).

Menurut Benama (2017) dilaporkan terdapat 1,861 kes penularan berita palsu yang telah disebarkan melalui laman sesawang, portal dan blog dan telah disekat. Selain itu, menurut Kementerian Komunikasi dan Multimedia susulan daripada isu penularan wabak COVID-19 dan Perintah Pengawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan menyatakan bahawa sebanyak 255 kes berita palsu telah dilaporkan dan telah dinafikan serta diperjelaskan kepada orang ramai melalui Pasukan Respond Pantas (PRP). Antara berita palsu yang telah tersebar luas adalah mengenai isu kekurangan bekalan makanan sepanjang tempoh PKP yang dijalankan (Mohd Iskandar, 2020). Menurut Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (2018) mendapati bahawa terdapat 941 maklumat yang terdapat dari laman “Sebenarnya.my” yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu sebagai berita palsu, waspada dan penjelasan. Ini meliputi surat berantai yang berevolusi dari surat, e-mel, Facebook dan WhatsApp.

Tambahan lagi, terdapat peningkatan kes penyalahgunaan internet khususnya penyebaran maklumat yang tidak sahih (Zul Hilmi et al., 2016). Menurut Mohd Anuar et al. (2015) berita palsu yang tersebar dapat mempengaruhi mentaliti dan sikap masyarakat serta dapat menimbulkan panik khususnya apabila melibatkan isu yang sensitif seperti agama dan bangsa. Sebagai bukti rakyat Malaysia pernah dikejutkan dengan penularan maklumat “tidak pasti’ berkenaan dengan isu halal coklat Cadbury yang mewujudkan rasa panik di kalangan masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa penularan berita palsu yang tidak terkawal mampu memberi kesan yang negatif terhadap kesejahteraan dan keharmonian masyarakat secara umumnya. Hal yang demikian jelas mempamerkan kuasa media sosial mampu dalam menyebar dan menyampaikan sesuatu isu viral yang tidak jelas status kesahihannya dapat mempengaruhi sikap sesebuah masyarakat (Sara, 2017).

PENCARIAN DAN PENERIMAAN MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL

Internet dan media sosial dapat mempengaruhi pengguna dengan mendalam dan secara tidak langsung dapat memberi satu ketagihan penggunaan media sosial jika tidak dikawal (Flanagin et al. 2008). Kemajuan teknologi maklumat mewujudkan jaringan media sosial yang berfungsi sebagai salah satu platform utama dalam mengakses dan menerima maklumat. Pencarian dan penerimaan maklumat dapat dilakukan dengan mudah dan pantas dan lebih bersifat interaktif melalui ruang dunia virtual jaringan media sosial seperti *Facebook*, *WhatsApp*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya (Brian. 2016). Hal ini disokong oleh Nunung (2018) kewujudan media

baharu membolehkan manusia untuk menyimpan, mengakses dan menyebarkan maklumat dengan cepat dan mudah.

Kemampuan pengguna media baharu yang dikenali sebagai warga netizen mempunyai kebebasan dan peluang untuk mencipta konten dan menyebarkan informasi dalam waktu yang singkat. Menurut Zulhilmi et. al, (2016) terdapat kajian dalam kalangan pelajar tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar lebih kerap menggunakan internet dan media sosial sebagai medium pencarian maklumat akademik serta medium untuk bersosial dan hiburan. Ramai dari kalangan pengguna internet khususnya golongan muda lebih gemar mencari maklumat di internet terutama berkaitan dengan hal ehwal artis dan selebriti kegemaran (Nunung. 2018). Hal ini disokong oleh Nur Syahirah et. al, (2019) pencarian bahan ilmiah untuk tujuan pendidikan dan isu semasa, medium komunikasi serta hiburan merupakan antara faktor utama penggunaan media sosial secara meluas.

Penggunaan aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Tik Tok dan lain-lain sudah menjadi tren medium terkini bagi masyarakat muda khususnya dalam mencari dan menerima maklumat lebih-lebih lagi apabila berkaitan dengan isu viral. Penggunaan media sosial dapat memberikan banyak kelebihan kepada pengguna khususnya dari sudut pengaksesan dan penerimaan maklumat. Walau bagaimanapun, penggunaan yang tidak beretika dan tidak terkawal sewaktu mencari dan menerima maklumat di media sosial mampu mendatangkan kemudaratkan dalam masyarakat (Nur Syahirah et. al, 2019). Menurut Nunung (2018) aktiviti pencarian maklumat giat aktif dilakukan dalam kalangan netizen khususnya apabila berkaitan dengan info seseorang selebriti dan artis kegemaran. Setiap maklumat yang berkait dengan seseorang artis atau selebriti akan menjadi tumpuan utama bagi para celebrity watcher untuk diambil, diolah kemudian disebar.

Hal demikian mencerminkan keadaan sebenar konsep citizen paparazi. Konsep citizen paparazi dilihat hampir sama dengan konsep netizen journalism iaitu sebuah warga masyarakat maya yang berperanan aktif dalam proses mengumpulkan, melaporkan, menganalisis, dan menyebarkan informasi dan maklumat (Nunung.2018). Walau bagaimanapun menurut Flew (2008) konsep citizen paparazi dianggap mempunyai kekurangan dari sudut kredibiliti dan profesionalisme dalam mengumpul, menganalisis dan menyampaikan informasi dengan tepat. Sebahagian maklumat yang dikumpulkan melalui proses pengumpulan oleh citizen paparazi mempunyai kecenderungan untuk bertentangan dengan fakta serta berlawanan dengan etika pencarian maklumat di media sosial (Ros set. al., 2003).

Keterbukaan dan kebebasan dalam proses mencari dan menerima maklumat secara melulu dapat memberi kesan terhadap penyalahgunaan maklumat di media sosial khususnya dalam penyebaran maklumat yang tidak tepat. Justeru penelitian dan penyaringan setiap maklumat yang dicari dan diterima harus dititikberatkan sebelum menyebarkan kepada orang lain (Zulhilmi et. al, 2016). Sikap individu yang mengambil mudah dan tidak mempunyai masa untuk memeriksa dan meneliti status kesahihan maklumat akan mendatangkan impak yang negatif iaitu memberi kesan terhadap penularan berita palsu dan fitnah yang boleh memecahbelahkan keharmonian masyarakat (Muhammad Faisal et al., 2019). Menurut Fatkhurrahman (2018) antara faktor yang menjadi tersebarnya berita palsu adalah disebabkan lemahnya kemampuan seseorang individu dalam menyaring sesuatu berita atau maklumat yang diterima. Hal ini disokong oleh Ika Rusdina (2018)) tahap keyakinan seseorang individu terhadap sesuatu maklumat yang diterima adalah melibatkan tahap kemampuan kognitif

individu tersebut iaitu kemampuan seseorang itu berfikir secara rasional yang mencakup aspek pengetahuan, pemahaman, penerapan, analisis dan penilaian.

Sikap dan nilai etika seseorang individu sewaktu proses mencari dan menerima maklumat dapat mengelakkan risiko daripada penularan berita palsu serta dapat menentukan tahap penilaian dan kebolehpercayaan terhadap sesuatu maklumat yang diterima (Muhammad Faisal et. al., 2019). Justeru itu, menurut Fara Waheeda et. al, (2019) Islam menuntut setiap penganutnya untuk mengaplikasikan sikap *tabayyun* iaitu berhati-hati dan waspada dalam memilih, mencari dan menerima maklumat serta membuat penilaian dan pengesahan secara kritikal. Konsep *tabayyun* merupakan konsep dan etika yang dituntut oleh Islam dari segi pengurusan maklumat yang menuntut untuk memeriksa dan menyelidik sesuatu berita dan maklumat secara teliti sebelum mempercayai dan menyebarkannya. Sebagaimana firman Allah swt dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْحَبُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ٦

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidiki lah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak ditimpa dengan sesuatu kaum Dengan perkara Yang tidak diingini - Dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa Yang kamu telah lakukan. (al-Hujurat 49:6)

Menurut Ibn Kathir (2004) perkataan فَتَبَيَّنُوا membawa maksud “maka periksa lah dengan teliti”. Allah swt memerintahkan orang Islam untuk menyelidik dan memeriksa dengan teliti akan berita yang disampaikan oleh orang fasiq serta berwaspada dalam menerima sesuatu berita dari mereka. Hal demikian dituntut agar tidak membuat keputusan berdasarkan maklumat yang tidak sahih, palsu serta berita yang tidak pasti. Menurut Zulkiple (2010) ayat di atas menunjukkan konsep *tabayyun* ketika proses penerimaan maklumat yang terdiri daripada tiga elemen penting iaitu memastikan kredibiliti sumber maklumat, keperluan untuk menapis maklumat dan kesan penyebaran maklumat palsu. Kredibiliti sumber sesuatu maklumat bergantung kepada kredibiliti peribadi seseorang tersebut ketika menerima maklumat. *Tabayyun* bertujuan mendapatkan hasil kesimpulan yang lebih tepat sesuai dengan keadaan masyarakat sekitarnya serta bagi mengelakkan masyarakat terjatuh dalam kancah fitnah (Zulkifle. 2015).

Menurut Fara Waheeda et. al, (2019) terdapat empat garis panduan bagi netizen dalam mengamalkan konsep *tabayyun* sewaktu menerima dan mencari maklumat di media sosial. Pertama: berhati-hati dalam menerima maklumat dan memeriksa dan memastikan latar belakang sumber dan pembawa maklumat. Perkara terpenting yang perlu dilakukan dalam menilai sesuatu maklumat sewaktu proses penerimaan dan pencarian maklumat ialah dengan mengenali sumber maklumat tersebut. Netizen perlu menyelidik dari manakah sumber maklumat tersebut didapati, siapakah latar belakang orang yang menyebarkan maklumat, apakah jenis maklumat tersebut dan bagaimanakah maklumat tersebut disebarkan serta adakah

terdapat pihak berautoriti yang mengesahkan maklumat tersebut. Jika sumber maklumat tersebut didapati adanya keraguan, maka netizen berhak untuk menentukan sama ada mengabaikannya atau menyelidik dan menyemak dengan lebih lanjut sebelum mempercayainya atau menyebarkannya kepada orang lain.

Kedua: memastikan kandungan maklumat yang diterima bertepatan dan selari dengan logik dan fakta. Netizen perlu menilai dengan berhemah serta membuat pertimbangan akal untuk memastikan informasi yang diterima tidak lari dari fakta dan logik. Sikap teruja dan sikap mudah meletakkan kepercayaan terhadap sesuatu maklumat ditambah serta sikap yang suka menyebarkan maklumat menyumbang kepada penyebaran fitnah dalam masyarakat. Hal ini disokong Muhammad Faisal et. al, (2019) sikap keterujaan terhadap lambakan maklumat di media sosial membuatkan pengguna keliru dan tidak cakna terhadap status kesahihan sesuatu maklumat yang boleh membawa implikasi kepada penularan berita palsu. Oleh demikian pengguna perlu lebih bersikap berhati-hati ketika menerima dan mencari maklumat di media sosial.

Ketiga: membuat penyelidikan, penelitian dan pengesahan dari pihak yang berautoriti. Netizen seharusnya bertindak untuk mengkaji, meneliti dan membuat pengesahan maklumat yang mempunyai keraguan dengan pihak yang sahih dan berautoriti. Terdapat pelbagai laman sesawang agensi dan badan kerajaan atau pihak berkuasa agama, parti politik mahupun NGO yang boleh dijadikan sebagai sumber semakan maklumat yang diterima. Sebagai contoh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membina satu laman sesawang khusus untuk menghebahkan segala jenis maklumat dan rujukan berkaitan dengan hal ehwal agama seperti bab halal, rujukan soal jawab agama dan sebagainya. Menurut Nadia (2017) pihak kerajaan turut mengambil inisiatif bagi membendung kes penularan berita palsu dengan menubuhkan satu laman sesawang yang dikenali sebagai Sebenarnya.my. Laman tersebut bertujuan untuk menjelaskan status kesahihan sesuatu maklumat yang tular dengan tepat.

Keempat: membuat pengesahan menerusi saksi. Semakin ramai saksi semakin tinggi nilai tahap kepercayaan sesuatu maklumat. Kaedah ini diguna pakai dalam membuat pengesahan terhadap status hadis di mana semakin ramai perawi hadis semakin tinggi tahap kepercayaannya (al-Seini. 1986). Metode ini boleh diaplikasikan terhadap maklumat di alam maya selepas menyemak dan menyelidik maklumat dari pelbagai sumber. Saksi tersebut seseorang yang dipercayai dan seorang yang menjaga maruah serta bebas dari sebarang perkara yang merosakkan agama. Menurut Rosmawati (2005) kaedah tersebut dapat membantu dalam menentukan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap penyampaian seorang penyebar maklumat.

Oleh demikian pengamalan konsep *tabayyun* sewaktu menerima dan mencari maklumat amat dititikberatkan oleh Islam iaitu berhati-hati dalam menerima dan mencari maklumat dan menyelidik serta meneliti status kebenarannya sebelum menyebarkannya kepada orang lain. Hal ini dapat mengelakkan daripada tersebarnya fitnah berleluasa dalam kalangan masyarakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk kualitatif deskriptif melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan perbincangan kumpulan fokus bagi mengumpul maklumat berkenaan dengan sikap netizen belia Muslim dalam berhadapan dengan maklumat di media sosial.

Menurut Othman Lebar (2006) temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang boleh digunakan dalam kajian. Seramai 14 orang warga netizen belia Muslim yang berumur antara 18 hingga 30 tahun yang terdiri daripada dua jenis kumpulan yang berbeza latar belakang dan tahap pendidikan telah terlibat dalam sesi perbincangan kumpulan fokus. Kaedah temu bual separa berstruktur menjadi pilihan pengkaji kerana membolehkan pengkaji untuk mengubah suai soalan dan lebih fleksibel terhadap soalan kajian mengenai sikap netizen belia Muslim berhadapan dengan maklumat di media sosial.

Selain itu, kaedah perbincangan kumpulan fokus juga penting dan menjadi pilihan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci secara diskusi bersama 14 informan yang telah dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan. Menerusi kaedah ini, setiap perbualan dan perbincangan yang dilakukan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dan akan di rekod. Ahli kumpulan berpeluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan serta menyuarakan pandangan dan pengalaman terhadap sesuatu isu yang dibincangkan. Hal yang demikian, data yang dikumpulkan melalui kaedah perbincangan kumpulan fokus lebih bersifat efektif dan terperinci serta dapat menimbulkan perspektif yang baru terhadap pengalaman peserta kajian yang berbeza latar belakang (Nyumba et al., 2018).

Kaedah temu bual separa berstruktur telah dijalankan di dalam sesi perbincangan kumpulan fokus terhadap dua kumpulan kajian fokus yang berbeza latar belakang dan tahap pendidikan. Setiap kumpulan fokus diwakili oleh tujuh orang informan dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan dari golongan netizen belia Muslim yang berumur antara 18 hingga 30 tahun yang mempunyai latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza. Tempoh proses perbincangan kumpulan fokus dijalankan selama satu jam untuk setiap sesi kumpulan perbincangan fokus. Sebelum proses perbincangan kumpulan fokus dijalankan, kesemua informan telah diberi penjelasan terhadap tujuan kajian, etika perlaksanaan kajian serta kerahsiaan maklumat.

Data-data kajian temu bual semasa sesi perbincangan kumpulan fokus di rekod menggunakan rakaman suara dan rakaman video. Data-data tersebut seterusnya ditranskripsikan ke dalam bentuk teks dan dianalisis menggunakan perisian aplikasi Atlas. Ti mengikut tema yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian akan membincangkan tiga perbincangan iaitu medium pencarian dan penerimaan maklumat di media sosial, Sikap netizen belia Muslim sewaktu menerima maklumat dan sikap netizen belia Muslim sewaktu mencari maklumat di media sosial.

MEDIUM PENCARIAN DAN PENERIMAAN MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL

Maklum balas yang diterima berkenaan soalan kajian “Medium pencarian dan penerimaan yang selalu digunakan di media sosial” adalah seperti dalam Jadual 1. Hasil temu bual ini menunjukkan medium-medium media sosial yang selalu digunakan.

Rajah 1 Medium Pencarian dan Penerimaan Maklumat di Media Sosial

Soalan	Peserta Kajian	Penerangan
1) Apakah medium pencarian dan penerimaan yang selalu digunakan di media sosial?	PK1	Facebook dan Twitter
	PK2	Facebook, Whatsapp, Telegram dan portal laman web.
	PK5	Google dan laman web
	PK6	Instagram
	PK7	Pdf
	PK8	Google, Youtube, Instagram dan Facebook

Rajah 1.0 menunjukkan aplikasi-aplikasi media sosial sebagai medium penerimaan dan pencarian maklumat yang menjadi pilihan dalam kalangan netizen belia Muslim. Kajian mendapati bahawa majoriti informan daripada kedua-dua jenis kumpulan netizen belia Muslim ini menyatakan bahawa aplikasi *Facebook*, *Whatsapp*, *Twitter*, *Instagram* dan *Google* merupakan antara aplikasi media sosial yang kerap digunakan setiap hari sebagai medium penerimaan dan pencarian maklumat. Sebagai contoh, informan PK3 daripada kumpulan pertama menyatakan bahawa beliau menggunakan aplikasi *Facebook*, *Whatsapp*, *Telegram* serta aplikasi *Google* sebagai medium untuk pencarian maklumat. Beliau juga berkunjung ke laman web rasmi pejabat mufti melalui aplikasi *Google* untuk mendapat maklumat berkenaan dengan isu agama.

“Emm. biasanya antara medium yang saya gunakan ialah aplikasi Facebook, err..WhatsApp, Telegram atau kadang-kadang saya guna web capai mana-mana portal tentang maklumat yang kita nak cari. Contoh kalau saya nak dapatkan maklumat berkaitan dengan hukum, biasanya saya akan google pejabat mufti punya web iaitu bayan linnas dan cari pandangan beliau tentang isu tersebut”.

Kajian juga menunjukkan bahawa kesemua informan daripada kedua-dua jenis kumpulan ini memiliki peranti pintar dan menggunakan aplikasi-aplikasi media sosial zaman kini untuk tujuan komunikasi dan medium penyaluran dan pengaksesan maklumat. Menurut Zulhimi et. al, (2016) kebanyakan golongan belia menjadikan aplikasi media sosial sebagai platform yang penting dan medium utama yang memiliki ciri-ciri interaktif untuk capaian dan perkongsian maklumat yang lebih meluas dan berkesan. Hal ini disokong oleh Usman (2018) golongan belia kini lebih gemar dan lebih mudah untuk mencari maklumat dan informasi terkini melalui laman internet dan aplikasi media sosial yang tidak memerlukan kepada pergerakan fizikal.

Sikap Netizen Belia Muslim Sewaktu Menerima Maklumat Di Media Sosial

Maklum balas temu bual yang diterima berkenaan dengan soalan kajian “apakah sikap netizen belia Muslim sewaktu menerima maklumat di media sosial” adalah seperti dalam Jadual 2. Hasil temu bual ini menunjukkan sikap netizen belia Muslim dari dua jenis kumpulan sewaktu menerima maklumat di media sosial

Rajah 2 Sikap Netizen Belia Muslim Sewaktu Menerima Maklumat Di Media Sosial

Soalan	Peserta Kajian (Kump 1)	Penerangan	Peserta Kajian (Kump 2)	Penerangan
2) Bagaimanakah sikap kalian sewaktu menerima maklumat di media sosial?	PK2	Terima, selidik dari pihak autoriti & kongsi jika sah	PK2	Selidik dahulu & rujuk pakar dalam bidang
	PK4	Baca dengan teliti, selidik & kongsi bergantung jenis maklumat	PK4	Selidik bergantung jenis berita dan minat
	PK5	Rujuk rakan, selidik melalui portal/laman web & kongsi maklumat penting sahaja	PK5	Terima, selidik melalui reaksi dan pandangan orang sekeliling & tanya pandangan orang
	PK6	Terima, baca untuk pemahaman sendiri, selidik & tidak kongsi	PK6	Terima, selidik dengan melihat gambar, isu tular dan ruangan komen

Terdapat sedikit perbezaan pandangan daripada kedua-dua kumpulan netizen belia Muslim dari sudut sewaktu menerima maklumat di media sosial. Majoriti informan daripada kumpulan pertama menyatakan bahawa mereka menerima maklumat di media sosial dengan membaca dengan teliti kemudian melakukan penelitian dengan memeriksa status kesahihan maklumat yang diterima seterusnya barulah dikongsikan jika ianya benar dan memberi manfaat. Sebagai contoh Informan PK2 menyatakan bahawa beliau menerima dengan membaca maklumat yang diterima kemudian memeriksa kesahihan maklumat tersebut dari sumber yang sah dan berautoriti seterusnya kongsi maklumat jika yang bermanfaat sahaja dan yang boleh mendatangkan pahala.

“Kalau saya, saya terima dan lihat adakah perkara itu betul. Dan jika ia daripada pihak yang berautoriti dan sah maka saya akan kongsi. Tetapi bukan semua maklumat saya kongsi, hanya maklumat yang bermanfaat sahajalah dan perkara yang boleh mendatangkan pahala”.

Selain itu, terdapat juga informan yang berpendapat bahawa hanya menerima maklumat dengan sekadar membaca untuk pengetahuan sendiri, melakukan pemeriksaan status kesahihannya dan tidak berkongsi maklumat yang diterima. Sebagai contoh PK6 menyatakan bahawa beliau hanya menerima maklumat dengan membaca kemudian bertanyakan status kesahihannya kepada ahli keluarga yang mempunyai pengetahuan literasi media seterusnya tidak mengkongsikannya.

“Kalau macam saya pula, saya terima maklumat dengan baca dahulu tetapi tidak share. Tetapi saya akan copy maklumat itu dan masukkan dalam group whatsapp family saya dahulu kerana ayah saya seorang yang jenis suka membaca dan apabila kami tanya pada ayah, ayah akan bincang dengan kami semua dan selidik bersama”.

Bagi pendapat kumpulan kedua pula, majoriti menyatakan bahawa mereka juga menerima maklumat dengan membaca terlebih dahulu kemudian selidik status kebenarannya seterusnya barulah dikongsikan kepada orang lain jika sesuatu maklumat itu membawa manfaat. Akan tetapi terdapat sedikit perbezaan yang dapat dilihat dari sudut pandangan kumpulan kedua adalah berbeza dari sudut selidik maklumat. Menurut majoriti netizen belia Muslim daripada kumpulan kedua menyatakan bahawa mereka menerima maklumat kemudian melakukan menyelidik status kesahihannya dengan cara melihat pada gambar jika ada dan melihat serta merujuk pada ruang komen yang disediakan terutama di ruangan Facebook dan Twitter.

Sebagai contoh, PK6 menyatakan bahawa beliau menerima maklumat di media sosial kemudian menyelidik status maklumat tersebut dengan melihat gambar, isu tular dan merujuk pada ruang komen untuk melihat pandangan orang lain berkenaan maklumat tersebut.

“Saya baca lepas tu tengok isu viral then gambar kalau diorang ada bagi gambar lepas tu baca, baca komen semua dekat Facebook dan Twitter”.

Walau bagaimanapun, majoriti informan kumpulan kedua menerima maklumat berdasarkan minat dan bergantung kepada jenis maklumat tertentu. Ini boleh dikaitkan dengan tahap kemampuan kognitif seseorang individu. Kemampuan untuk mengurus dan memproses maklumat adalah terhad dan memerlukan kepada usaha kognitif (Ji et al. 2014). Hal yang demikian membuatkan netizen untuk lebih bersikap memilih dalam meneliti dan mengikuti maklumat yang terdapat di media sosial. Maklumat yang terlalu banyak di media sosial menyebabkan netizen sukar untuk meneliti keseluruhan maklumat dan menjadikan mereka untuk lebih bersifat selektif dengan memilih maklumat yang diminati dan yang perlu sahaja (Muhammad Faisal, 2019).

Selain daripada itu, majoriti netizen dari kumpulan kedua memiliki sifat untuk menyelidik maklumat dengan cara memeriksa kesahihannya dengan bertanyakan kepada rakan-rakan dan ahli keluarga di samping melihat pada ruangan komen kemudian barulah disebarkan kepada orang lain jika membawa manfaat. Sebagai contoh PK5 menyatakan bahawa beliau menerima maklumat bergantung pada minat kemudian selidik melalui komen dan bertanyakan kepada orang lain dan sebar jika membawa manfaat.

“Saya pula akan tengok pada minat juga. Kalau caption tu macam menarik saya akan bukak dan baca. Kalau benda tu macam tak betul saya akan abaikan lah dan tak akan bagitahu sesiapa. Saya pun akan check tanya family dan kawan dan baca komen jugak,. Kalau ramai kata tak betul so saya tak sebar lah sebab kalau sebar akan jadi fitnah. Tapi kalau benda-benda yang menarik dan bermanfaat tu saya akan terus share lah”

Hal yang demikian dapat disimpulkan bahawa sikap sewaktu mencari maklumat daripada kedua-dua kumpulan netizen belia Muslim mempunyai sedikit perbezaan dari sudut pandangan. Kumpulan pertama menyelidik maklumat dengan merujuk kepada laman berautoriti seperti laman web rasmi pejabat mufti dan sebagainya manakala kumpulan kedua berpendapat bahawa mereka lebih kepada menyelidik maklumat dengan melihat pandangan dan reaksi orang lain di dalam ruangan komen. Menurut Muhamad Faisal et al. (2019) sikap seseorang mengendalikan dan menguruskan maklumat di alam maya adalah berbeza bergantung kepada faktor persekitaran, latar belakang, lokasi penempatan, tahap pendidikan serta tahap pemikiran dan penggunaan teknologi maklumat.

Hal ini disokong oleh Sara (2017) sikap dan tindakan seseorang ketika mengurus dan mengendalikan maklumat di alam maya bergantung kepada faktor perbezaan persekitaran, faktor usia, lokasi, tahap akademik serta tahap penggunaan dan penguasaan teknologi maklumat. Tahap keyakinan seseorang individu terhadap sesuatu maklumat yang diterima adalah melibatkan tahap kemampuan kognitif individu tersebut iaitu kemampuan berfikir secara rasional yang mencakupi aspek pengetahuan, pemahaman, penerapan, analisis dan penilaian (Ika Rusdina. 2018).

Menurut Sara (2017) masyarakat perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan etika yang baik ketika berhadapan dengan maklumat agar tidak melulu dalam menilai sesuatu maklumat dan terhindar daripada salah faham serta berkongsi maklumat yang tidak tepat. Hal demikian dapat membantu masyarakat dalam membuat perbandingan sesuatu maklumat dengan merujuk sumber yang sahih dan berautoriti sebelum membuat andaian. Manakala seseorang yang mempunyai pengetahuan dan tahap literasi media yang rendah mudah menerima dan mempercayai berita yang tidak pasti (Shahrul Nazmi, 2017)

Sikap Netizen Belia Muslim Sewaktu Mencari Maklumat

Dalam aspek pencarian maklumat pula, kebanyakan informan memberi pendapat yang hampir lebih kurang sama dengan sikap mereka sewaktu menerima sesuatu maklumat. Majoriti kumpulan pertama mencari maklumat jika perlu terutama ketika diperlukan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang berkaitan dengan tugas di Universiti. Mereka berhati-hati dalam mencari maklumat dari sumber yang sahih dan berautoriti dan kebanyakannya simpan untuk pengetahuan sendiri sahaja. Akan tetapi terdapat juga informan yang berkongsi maklumat yang telah dicari dan diselidik untuk manfaat orang lain.

“Saya pula kalau untuk mencari maklumat, saya akan lihat pada sumber autoriti. Maklumat itu untuk buat sesuatu tugas dan sebagainya, kalau saya nampak perkara itu ragu-ragu, saya akan tinggalkan dan cari yang lain. Sebab kita boleh menilai sesuatu maklumat itu. Saya jenis

yang sangat berhati-hati apabila berkaitan dengan mencari maklumat. Jadi saya hanya mencari dan selidik untuk diri sendiri sahaja”.

“Kalau saya pula, saya cari, selidik dan tanya dari orang yang pakar dan seterusnya saya akan share untuk penjelasan orang lain. Kadang-kadang orang tak tahu maklumat itu jadi apabila kita kongsi perkara yang benar maka mereka akan dapat tahu”.

Bagi pendapat netizen belia Muslim dari kumpulan kedua pula, kebanyakan mereka kurang aktif dalam pencarian sesuatu maklumat. Mereka lebih cenderung untuk menerima daripada mencari. Akan tetapi terdapat sebahagian informan yang menyatakan sikap mereka dalam mencari maklumat. Sebagai contoh PK3 menyatakan bahawa beliau akan mencari maklumat di media sosial kemudian menyemak status kesahihannya melalui ruang komen serta melihat kepada tular sesuatu maklumat itu.

“Saya cari lepas cari tu saya akan tengok pada viral lah dan komen. Kalau banyak orang viral baru ambillah benda tu”.

Selain daripada itu, terdapat juga informan yang mencari maklumat dan selidik dari sumber yang rasmi dan sahih kemudian kongsi. Sebagai contoh PK7 menyatakan bahawa beliau mencari maklumat dari sumber yang rasmi seperti laman web akhbar online atau sumber yang berautoriti kemudian kongsi maklumat jika membawa manfaat.

“Bagi sayalah urmm..contoh kalau bab politik, ahh.. kita tengok apa aaa.. isu semasa. Saya akan google dari Sinar Harian, Utusan Online atau Berita Harian, dapatkan maklumat tu. Dapatkan maklumat tu dari NGO ke institusi kerajaan mana dan kena tengok siapa yang hebahkan. Saya akan fahamkan lepastu tanya benda ni betul ke tak? Benda ni untuk apa? Kalau benda tu penting kita share lah. Kalau benda tak penting ok simpan untuk kefahaman sendiri.

Setelah menganalisis kedua-dua kumpulan mengenai sikap netizen belia Muslim berhadapan dengan maklumat didapati bahawa faktor perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza mendorong kepada cara dan tindakan netizen belia Muslim dalam mengendali dan menguruskan maklumat di media sosial. Sikap seseorang mengendali dan menguruskan maklumat di alam maya adalah berbeza bergantung kepada faktor persekitaran, latar belakang, lokasi penempatan, tahap pendidikan serta tahap pemikiran dan penggunaan teknologi maklumat (Muhamad Faisal et al, 2019). Begitu juga dengan tahap kebolehpercayaan sesuatu maklumat itu bergantung kepada sikap dan tahap pemikiran seseorang tersebut sewaktu berhadapan dengan maklumat (Rosmawati. 2019).

Sehubungan dengan itu, amalan menyelidik dan membuat penelitian dari sumber yang sahih harus didahulukan ketika menerima dan mencari maklumat di alam maya bagi mengelakkan penularan berita palsu (Farah Waheeda et al. 2019). Pengguna perlu peka dan waspada serta mempunyai sikap mengambil berat terhadap status kesahihan maklumat yang diterima dengan cara membuat penilaian dengan teliti dengan merujuk sumber yang berautoriti sebelum menyebarkannya (Wan Hakimin et al. 2018). Hal ini disokong oleh Musa et al. (2011) netizen perlu mendahulukan konsep *tabayyun* yang dituntut di dalam Islam iaitu proses tapisan,

penilaian maklumat dengan cermat dan teliti sewaktu menerima dan menyebarkan sesuatu maklumat.

Aplikasi sikap *tabayyun* iaitu berhati-hati dalam memilih maklumat di alam maya dan membuat pengesahan secara kritikal amat dituntut oleh Islam dalam menapis penuluran maklumat yang tidak benar serta palsu (Farah Waheeda et al, 2019). Hal ini disokong oleh Wan Hakimi et al, (2018) *fiqh tabayyun* perlu diuruskan dalam menghadapi isu-isu era teknologi maklumat terutama berkenaan dengan isu penuluran berita palsu bagi mengelakkan fitnah dalam kalangan masyarakat. Antara garis panduan yang dituntut didalam *fiqh tabayyun* ialah: 1. tidak terburu-buru menyebarkan berita dan menyampaikan maklumat 2. Menungguh sehingga pasti kesahihannya dan meneliti sumber yang sahih 3. Tidak menyebarkan berita negatif, umpatan atau gosip 4. Tidak menuruti perkara yang tidak pengetahuan 5. Percaya, beramal dengan apa yang diyakini, difahami. Justeru, pentingnya aplikasi *tabayyun* sewaktu menerima dan mencari sesuatu maklumat agar tidak terjerumus ke dalam kancah fitnah yang boleh membinasakan diri, agama dan masyarakat.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi maklumat dan pengetahuan serta gambaran yang penting terhadap sikap netizen belia Muslim berhadapan dengan maklumat di media sosial. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan sikap netizen belia Muslim dari dua kelompok kumpulan yang berbeza dari sudut latar belakang dan tahap pendidikan mereka. Faktor perbezaan latar belakang dan tahap pendidikan dilihat menjadi faktor yang membawa kepada perbezaan cara tindakan ketika berhadapan dengan maklumat di media sosial.

Hasil kajian mendapati bahawa kedua-dua jenis netizen mempunyai amalan *tabayyun* yang hampir sama iaitu terima, selidik dan sebar. Namun terdapat sedikit perbezaan dari sudut cara penelitian maklumat iaitu pemilihan rujukan sumber. Kumpulan netizen pertama iaitu yang mempunyai latar belakang pendidikan Ijazah Sarjana Muda dilihat mempunyai amalan *tabayyun* yang baik dengan berhati-hati dalam menerima maklumat dan merujuk kepada sumber yang sahih dan berautoriti sebelum berkongsi. Manakala sebahagian daripada informan kumpulan kedua iaitu netizen yang mempunyai tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia menerima maklumat dan menentukan kesahihannya melalui foto dan ruang komen serta melalui laman yang tular di aplikasi media sosial.

Kajian ini memberi implikasi yang besar dari aspek gaya penentuan kesahihan maklumat serta cara pengendalian maklumat di media sosial sama ada dari sudut penerimaan dan perkongsian maklumat. Tambahan lagi, pengamalan konsep *tabayyun* sewaktu berhadapan dengan maklumat di media sosial dapat membendung penuluran berita palsu dalam kalangan masyarakat dan jaringan media sosial dapat digunakan dengan cara yang baik serta memberi manfaat yang besar kepada masyarakat keseluruhannya.

PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGMENT

Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan dari geran GUP-2018-011. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ali Salman & Siti Minanda Pulungan. 2017. Pendedahan diri, motivasi dan kepuasan penggunaan Facebook dalam menjalin persahabatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 33(1): 438-459.
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh, & Mohd Yusof Abdullah. 2018. Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1), 51-63.
- Al-Seini, Sayeed. 1986. The Islamic Concept of News. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 3(2): 277-289.
- Andrews, L. 2011. I know who you are and I saw what you did social networks and the death of privacy. New York: Free Press.
- Anon. 2020. Siaran akhbar: lima suspek disiasat tular berita palsu covid-19, [https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/SI ARAN-AKHBAR_LIMA -SUSPEK DISIASAT-TULAR-BERITA- PALSU-COVID-19 pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/SI%20ARAN-AKHBAR_LIMA_SUSPEK_DISIASAT-TULAR-BERITA-PALSU-COVID-19.pdf), retrieved 1 May 2020.
- Anon. 2020. COVID-19: Prp Tangkas 205 Berita Palsu, [https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/node/680020/ am p](https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/node/680020/am p), retrieved 6 May 2020.
- Brian Rafsanjani. 2018. Sikap *tabayyun* dalam al-Quran menurut mufassir dan *kontekstualisasi* pada problematika pemberitaan media sosial. Tesis Sarjana. Jurusan Ilmu Al-Quran Dan Tafsir, Fakulti Usuluddin dan Filsafat, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Eppler, M.J & Mengis, J. (2004). The concept of information overload: A review of literature from organization science, accounting, marketing, MIS and related disciplines. *The Information Society* 20: 325-344.
- Faradillah Iqmar Omar, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria & Nuraina Nabila Dundai Abdullah. 2015. Hubungan penggunaan media sosial dan penerimaan mesej dakwah. *Proceeding of The 2nd International Conference on Management and Muamalah* 2015, p. 181-191.
- Farah Waheeda Yahya & Muhammad Faisal Ashaari. 2019. Konsep al-tabayyun dan faktor mendorong maklumat fasiq di alam maya. *Jurnal Al-Tahkim* 9(1): 8-14.
- Fatkhurahman. 2018. Kemampuan mahasiswa tempatan menilai berita palsu atau "Hoax" dalam media sosial dalam upaya pengembangan jiwa kewirausahaan. *Jurnal Benefita* 3(3): 417-426.
- Flanagin, A. J., & Metzger & M. J. 2008. Digital media and youth: Unparalleled opportunity and unprecedented responsibility. *Digital media, youth, and credibility*, 5-27.
- Flew, T. 2008. *New media: An introduction* (3rd ed). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Hasbollah, Nur Syahirah; Md Rashid, Marjan; Ihwani, Siti Suhaila. 2019. Media Sosial dan Pelajar Universiti Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 019 (SSTM'19). Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. p. 227-240.
- Ibnu Kathir, Abi Fida Isma'il bin 'Umar. 2004. *Tafsir Ibnu Kasir*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ji, Q., Ha, L., & Sypher, U. 2014. The role of news media use and demographic characteristics in the prediction of information. *International Journal of Communication* 8: 699-714.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 28-29 Mac 2012, Johor Bahru, Malaysia.

- Mohd Anwar Patho Rohman & Suzalina Halid. 2020. 24 Kes Berita Palsu Covid-19 DiDakwa Di Mahkamah
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/681144/24-kes-beritapalsucovid-19-didakwa-di-mahkamah>, retrieved 1 May 2020.
- Mohd Azul Mohamad Salleh & Nurul Madiha Mohd Ilham. 2017. Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi* 33(1): 502-512.
- Mohd Iskandar Ibrahim & Farah Marshita Abdul Patah. 2020. Covid-19: 259 Kertas Siasatan Berita Palsu Dibuka,
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685487/covid-19-259-kertas-siasatan-berita-palsu-dibuka>, retrieved 8 May 2020.
- Muhammad Faisal Ashaari, Nor Faizah Ismail & Rosmawati Mohamad Rasit. 2019. Reaksi netizen muda terhadap banjir maklumat di alam maya. *Jurnal Komunikasi* 35(3): 390-406.
- Nadia Fauzi. 2017. Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: suatu kebaikan atau keburukan? Bandar Baru Bangi: Institusi Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).
- Nunung Prajarto. 2018. Netizen dan infotainment: studi etnografi virtual pada akaun Instagram @lambe_turah. *Jurnal Ilmu Komunikasi* 15(1): 33-46.
- Nor Aslamiah Ali. 2012. Laman media sosial: Tren komunikasi masa kini. DimesiKoop Nov: 46-50.
- O. Nyumba, T., Wilson, K., Derrick, C.J. and Mukherjee, N., 2018. The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. *Methods in Ecology and evolution*, 9(1), pp.20-32.
- Othman Lebar. 2006. Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosmawati Ali @ Mat Zin. 2005. Pengantar Ulum Hadis. Jil. 2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ross, K. & Nightingale, V. 2003. Media and audiences: New perspective. California, US: Open University Press.
- Sara Chinnasamy. 2017. Tahap Literasi Media Elak Diperdaya Laporan Palsu,
<https://www.bharian.com.my/node/270678>, retrieved 3 May 2020.
- Shahrul Nazmi Sannusi. 2017. Cabaran menangani penyebaran berita palsu. Kosmo, 2 Ogos: 24.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan, Lee Kuok Tiung & Nik Norma Nik Hassan. 2018. Masa hadapan akhbar Malaysia dalam masyarakat jaringan. *Jurnal Komunikasi* 34(4): 124-231.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2011. Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies* 13(2): 93-110.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. 2017. MCMC siasat 67 kes penyebaran berita palsu di media sosial. <https://www.mcmc.gov.my/media/press-clippings/mcmc-siasat-67-kes-penyebaran-berita-palsu-di-medi?lang=ms-MY> [25 April 2019].
- Syarifah Sari Binti Datu Asal. 2018. Pembungkahan berita muka hadapan akhbar dalam talian berdasarkan konsep al-tabayyun. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hakim b. Wan Mohd Nor, Fatin Nazmin Mansor & Nik Mohd Nabil b. Ibrahim @ Nik Hanafi. 2018. Kepentingan tabayyun dalam mendepani arus globalisasi. 4th *International Conference On Islamiyyat Studies* 2018. p. 411-421.
- Zulhilmi Abdullah, Halimatun Sa'adiah Ariffin, Shahrudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli. 2016. Kebolehpercayaan maklumat elektronik: Tinjauan awal terhadap pelajar

- tamhidi. 2nd International Convention on Islam, Science & Education. 10 Jun 2016, Nilai, Negeri Sembilan.
- Zulkifli Mohamad Al Bakri. 2015. Bayyan Linnas siri-22- Konsep Tabayyun dan penerimaanya. Syaikh Mudrika, 2012. Mengapa Mesti Tabayyun? Disember 2020, <https://almanhaj.or.id/3445-mengapa-mesti-tabayyun.html>
- Zulkiple bin Abd Ghani. 2010. *Dakwah dalam era siber di Malaysia*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).